

02/11/1999

Marina tidak cabar akuan

KUALA LUMPUR, Isnin - Naib Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Marina Yusof, berkata beliau tidak akan mencabar akuan berkanun bekas Penolong Gabenor Bank Negara, Datuk Abdul Murad Khalid, berhubung isu penyelesaian hutangnya dan akaun induk Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Marina memberi alasan beliau tidak akan mendapat perbicaraan yang adil di mahkamah jika mencabar akuan berkanun itu kerana mendakwa institusi kehakiman dikuasai kerajaan.

"Saya tidak akan mengambil tindakan undang-undang sekarang kerana kita tidak mahu bergaduh sesama sendiri. Itulah apa yang mereka (kerajaan) mahukan.

"Tetapi saya pasti akan mengambil tindakan suatu hari nanti apabila kerajaan sekarang tidak lagi berkuasa... tambahan pula mahkamah kini dikuasai oleh (Datuk Seri) Dr Mahathir (Mohamad)," katanya pada sidang akhbar di sini, hari ini.

Murad dalam perakuan bersumpah yang dibacakan Khamis lalu mengaku beliau diarah Anwar untuk membantu melangsaikan hutang Marina berjumlah lebih RM20 juta.

Murad juga mendedahkan Anwar menggunakan kedudukannya sebagai Menteri Kewangan dengan mewujudkan lebih 20 akaun induk bernilai RM3 bilion untuk mencapai cita-cita politiknya.

Marina berkata, beliau tidak percaya perakuan bersumpah itu ditulis Murad kerana mendakwa ia mengandungi banyak kesilapan fakta dan gaya karangan hampir sama dengan beberapa pengakuan paksa yang digunakan sebagai bukti terhadap Anwar.

Katanya, beliau juga tidak terkejut dengan kenyataan itu kerana tahu Murad dipaksa melepaskan jawatan di Bank Negara serta syarikat Rashid Hussain Berhad selepas menghadapi tuduhan di mahkamah.

"Saya kenal Murad cukup lama untuk mengetahui bahawa beliau bukan jenis manusia yang pernah mengeluarkan kata-kata seperti yang disebut dalam surat sumpah itu.

"Saya percaya beliau juga sudah melalui proses 'turning over' yang sudah menguasai sifat lemah lembut beliau. Saya percaya ia didalangi orang yang sama yang mengenakan Anwar," katanya.

Mengenai Menara Marinara, Marina berkata perancangan projek itu bermula pada 1983 dan beliau sudah mendapat restu Dr Mahathir supaya tidak menghadapi sebarang masalah kelak.

Katanya, apabila projek itu sedia dilaksanakan pada 1987 berlaku pergolakan dalam Umno dan beliau menyertai Team B serta menulis surat kepada Perdana Menteri untuk mendedahkan perbuatan Tun Daim Zainuddin mencuri dana Umno.

Beliau mendakwa tindakannya itu menyebabkan Daim, yang juga Menteri Kewangan pada masa itu, begitu marah dan mengarahkan semua bank menarik balik pinjaman yang diluluskan kepadanya.

"Berikutan itu, saya dipanggil Bank Negara beberapa kali dan ketika itu saya berkenalan dengan Murad. Beliau tahu kesulitan yang saya hadapi dan menasihati saya supaya memohon pinjaman daripada Tabung Pemulihan Usahawan (TPU)," katanya.

Marina berkata, beliau pada mulanya keberatan untuk berbuat demikian kerana mengetahui harapan untuk mendapatkannya adalah tipis selepas dianggap menentang Dr Mahathir dan Daim.

Bagaimanapun, katanya, permohonan yang dikemukakan menerusi Dewan

Perniagaan Melayu diluluskan pada 1989 dan wang pinjaman itu tidak digunakan bagi menyelesaikan hutang dengan bank komersil.

"Jumlah RM20 juta yang disebut Murad dalam kenyataannya tidak kena mengena dengan pinjaman TPU," katanya.

Sebaliknya, kata Marina, RM20 juta itu adalah penyelesaian pinjaman asal dengan bank komersil untuk menebus geran untuk dijadikan sandaran oleh bank yang memberi pinjaman baru untuk membiayai projek itu.

"Ia adalah transaksi komersil dan tidak kena mengena dengan Anwar... peranan Anwar, jika ada pun, adalah secara tidak menghalang pinjaman saya oleh TPU," katanya.

Pada sidang akhbar berasingan, bekas setiausaha sulit Anwar, Datuk Nasaruddin Abdul Jalil, berkata beliau sudah mengarahkan peguamnya untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap Murad.

Nasaruddin berkata, dakwaan Murad bahawa beliau menerima RM10 juta daripada akaun induk Anwar, adalah bohong dan fitnah.

(END)